



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA
KENYATAAN MEDIA
BIL. 32/2025

**ADUAN PENGAWASAN LUAR BIASA SURUHANJAYA PILIHAN RAYA
MALAYSIA (SPR) DALAM TEMPOH BERKEMPEN SEMPENA PILIHAN
RAYA UMUM (PRU) DEWAN UNDANGAN SABAH KE-17**

1. Berikutan Pilihan Raya Umum (PRU) Dewan Undangan Sabah ke-17, Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) telah menubuhkan Pasukan Penguat Kuasa Kempen Pilihan Raya (PPKPR) sebagaimana diperuntukkan di bawah Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (Akta 5) bertujuan untuk memantau dan mengawal aktiviti calon sepanjang tempoh berkempen sehingga tamat hari mengundi.
2. Bagi melaksanakan tanggungjawab tersebut, pasukan penguat kuasa ini menjalankan pemantauan terhadap aktiviti-aktiviti kempen calon bertanding dan menasihati agar semua pihak dapat mematuhi undang-undang yang berkuat kuasa.
3. Pasukan penguat kuasa ini tidak memberi tumpuan khusus ataupun menyasarkan mana-mana parti mahupun pihak-pihak tertentu. Tuduhan tersebut sebaliknya adalah tidak benar.
4. Mana-mana pihak yang mempunyai sebarang kemusykilan disarankan membuat aduan secara rasmi kepada SPR atau pihak berkuasa yang berkaitan terhadap sebarang salah laku, kecurigaan atau sebarang aduan tentang ketidakpatuhan peraturan dan undang-undang pilihan raya.
5. SPR sentiasa mengingatkan semua pihak yang terlibat dalam pilihan raya ini untuk terus mematuhi undang-undang yang berkuat kuasa sepanjang proses ini berlangsung bagi memastikan keamanan dan integriti pilihan raya dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Sekian, terima kasih.

DATUK KHAIRUL SHAHRIL BIN IDRUS

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

23 November 2025 / 2 Jamadilakhir 1447H